

Realiti Kemiskinan Orang Cina di Bandar

oleh LEE YOK FEE



ash ada orang Cina di bandar hidup dalam kemiskinan.

SEBELAH Dasar Ekonomi Baru (DEB) berkuat kuasa pada 1990, kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Namun, pembetulan kemiskinan ini lebih terutamanya di luar bandar berbanding dengan di bandar. Pada 1976, kadar kemiskinan di luar bandar ialah 37 peratus berbanding dengan 17 peratus di bandar. Kemiskinan luar bandar dan bandar boryaya kuantan kepada 11.4 peratus dan 9 peratus pada 2002.

Walaupun kemiskinan bandar kurang dibentangkan perhatian yang serius, masalah ini tidak harus diabaikan. Hal ini berkait rapat dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia Damik Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu negara ini mencapai tahap kemiskinan sifar pada 2008. Tambahan pula, Malaysia sedang mengalami proses pembangunan yang pesat.

Menurut Professor Dr Ragayah Hafiz Mar Zin, bekas Pengerah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan

Malaysia, keadaan kemiskinan di negara ini yang dahulunya dikategorikan sebagai kemiskinan luar bandar, sekarang sudah menjadi kemiskinan bandar. Contohnya bandar penduduk pada 1991 menunjukkan bahawa 51 peratus penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar berbanding dengan 34.2 peratus pada 1980. Pengerasan semula kawasan bandar dan luar bandar pada 1991 menyebabkan enam peratus keluarga miskin yang sebelumnya berada di luar bandar diubah kategorinya sebagai

Jadual 1. Kadar kemiskinan mengikut kaum (1999 dan 2004)

Kaum	1999	2004
Kaum Bumiputera	12.4	8.3
Kaum India	3.5	2.9
Kaum Cina	1.7	0.6

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

kemiskinan di bandar. Oleh sebab itu, bilangan keluarga miskin meningkat daripada 77,900 kes pada 1993 kepada 99,309 kes pada 1995 akibat pengaliran semula kawasan bandar dan luar bandar.

Menurut Ragayah lagi, setelah 2003, populasi bandar meningkat kepada 62.5 peratus akibat migrasi, pembangunan kawasan bandar baharu, dan perkhidmatan sempadan pentadbiran bandar. Pada masa yang sama, bilangan keluarga miskin di bandar pumi meningkat daripada 14.3 peratus (1985) kepada 15.1 peratus (1993), 23.7 peratus (1995), 24.7 peratus (1999), dan 26.0 peratus pada 2002.

Dalam konteks Malaysia, migrasi dalaman dari luar bandar ke bandar terutama migrasi golongan yang berpendapatan rendah, merupakan faktor utama kemiskinan di bandar. Mereka terpaksa menyara hidup

dalam keadaan susah kerana gagal mendapatkan pekerjaan yang memberikan pulangan pendapatan yang memuaskan.

Masalah kemiskinan bandar jarang-jarang dikaitkan dengan orang Cina. Walau pandangan stereotip yang menganggap orang Cina di bandar banyak yang menjadi usahawan dan menjeruji bidang ekonomi strategik. Pandangan ini tidak diperkuatkan dalam buku popular seperti, *Lords of the Rim* (1987) yang ditulis oleh Seagrave S. dan *The Spirit of Chinese Capitalism* (1990) oleh Redding S.G. yang menonjolkan kejayaan kebanyakan usahawan Cina. Walau bagaimanapun, orang Cina di bandar kaya dan boryaya.

Dari segi statistik, kadar kemiskinan orang Cina Malaysia lebih rendah berbanding dengan kaum lain seperti Melayu dan India. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, kadar kemiskinan orang Cina pada 1999 ialah

Jadual 2. Faktor kemiskinan orang Cina di bandar

Tanggungan kos peribatan ahli keluarga sakit parah, buah pinggang dan tekanan darah.	33
Tanggungan orang tua menjaga anak dewasa yang sakit.	27
Kesukuan fizikal kaum keluarga akibat kemalangan.	23
Tanggungan ibu tunggal yang memusnahkan anak sakit parah.	17

Sumber: Analisis oleh Puan Shi Chew (Januari dan Februari 2006).

1.2 peratus, hampir dua kali ganda, dan India 3.5 peratus pada 2004. Kadar orang Cina 0.6 peratus, hampir dua kali ganda, dan orang India 2.9 peratus.

Namun, angka statistik yang rendah tidak bermakna tidak wujud masalah kemiskinan dalam kalangan orang Cina Malaysia. Hampir setiap hari terdapat laporan media yang berkaitan dengan kemiskinan bandar dalam asahbar Cina. Sebanyak 30 berita tentang kemiskinan bandar yang diterbitkan oleh asahbar *Sin Chew* dari Januari hingga Februari 2006 yang dianalisis oleh penulis. Keseluruhan kes tersebut mencorakkan kemiskinan orang Cina yang berketu di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Namun, sudah tentu analisis ringkas penulis tersebut tidak dapat mengambarkan secara menyeluruh keadaan kemiskinan orang Cina di bandar.

Merujuk Jadual 2, analisis yang dibuat menunjukkan faktor utama yang menyebabkan berlaku kemiskinan dalam kehidupan orang Cina di bandar yang disebabkan oleh gangguan kewangan yang banyak kerana mempunyai ahli keluarga yang sakit. Golongan ini merupakan keluarga yang berpendapatan rendah dan terpaksa memanggung pembiayaan kos peribatan anak pesakit kritikal seperti buah pinggang dan tekakan mortal. Terdapat 33 peratus kes yang dilaporkan dalam kategori tersebut.

Faktor kedua menjurus kepada ketidakmampuan orang tua menjaga anak dewasa yang sakit. Masalah ini menyumbang 27 peratus kepada jumlah kes. Sementara itu, kesukuan fizikal akibat kemalangan merupakan faktor ketiga yang perlu dibentangkan perhatian. Kemalangan yang berlaku kepada kaum keluarga menyebabkan keluarga kehilangan mata pencaharian. Hal ini menyumbang sebanyak 23 peratus kepada kes yang dilaporkan. Akhir sekali, masalah ibu tunggal yang

nyana, yang menghidap barah
lebih 17 peratus. Jelas sekali,
satu faktor tersebut merencat
kesjahteraan keluarga.

Orang golongan miskin yang
dianalisis dalam laporan kes ter-
sebut daripada golongan ber-
sasaran rendah, tidak mempunyai
sahaja yang tetap kerana kecacatan,
tidak mempunyai saudara mara dan
tidak tinggal di kawasan atau
daerah yang kos rendah. Walaupun
dalam kalangan mereka mempunyai
sahaja yang sederhana, mereka
tidak mampu menanggung kos kehidupan
di kota. Oleh itu, mereka terpaksa
meninggalkan kampung halaman
dan berpindah ke bandar.

Keadaan yang berlaku dalam
bandar orang Cina di bandar
ini, menunjukkan beberapa mekanisme untuk
menangani masalah
kehidupan yang memauikan peranan
sahaja, persatuan, dan budaya
dalam kalangan orang

bandar terutama akhbar Cina
menunjukkan peranan yang penting
dalam membantu orang
yang bermasalah. Laporan yang
dijadikan perhatian
adalah bahawa berjaya untuk
menangani masalah yang dihadapi oleh
bandar yang siyau kata akhbar
bandar Yayasan atau tabung
untuk membantu orang
bandar. Atas inisiatifnya Yayasan Sin Chew
tersebut berbanding menyasat
sahaja berita mengenai
kepada komuniti Cina,
dan mengurangkan wang
tersebutnya menyebarkan
kepada keluarga

sejarah menunjukkan
komuniti Inggeris, orang

Cina menubuhkan pelbagai persatuan
untuk menjaga kebajikan ahli mereka.
Terdapat persatuan yang ditubuhkan
mengikut tempat asal mereka di
Cina seperti Persatuan Jia Ning
dan Persatuan Lu Zhou Shi Yi, nama
keluarga dan perhubungan darah
seperti Tar Kongsai dan Khoo Kongsai,
dan bahasa dialek seperti Persatuan
Hakka dan Persatuan Hokkien.

Walaupun persatuan tersebut
mempunyai latar belakang yang
berbeza, mereka berkongsi peranan



Kebanyakan orang Cina yang miskin
di bandar mengambil makanan yang
kurang berzat dan tinggal di persekitaran
yang kurang bersih.

membantu orang Cina yang miskin.
Antara kemudahan yang disediakan
oleh persatuan ini adalah seperti
menganjurkan aktiviti mengun-
derna, membekalkan bantuan kewangan
dan menyalah orang miskin, serta
menyediakan kemudahan biasiswa
dan pinjaman kewangan kepada
pelajar yang berasal daripada keluarga
miskin.

Selain itu, budaya menderna yang
sudah lama sebari dan ber-kembang

dalam kalangan orang Cina memainkan
peranan utama meringankan beban
orang Cina yang miskin. Nilai murni
tersebut wujud sejak migrasi awal
orang Cina yang datang dari Tanah
Besar China. Kehidupan yang serba
kekurangan pada peringkat awal
menyebabkan mereka menerima
bantuan daripada orang Cina yang
lain.

Mereka saling membantu walaupun
kehidupan mereka bertambah baik
dan selesa. Sikap tolong menolong
ini telah menyatukan orang Cina
terutama ketika mereka menghadapi
sesuatu masalah secara kolektif.
Ketelaahan dan kesungguhan menderna
dalam kalangan orang Cina berjaya
mengurangkan masalah kemiskinan
orang Cina bandar.

Walaupun kemiskinan orang Cina
tidak signifikan dalam laporan statistik
ekonomi, masalah tersebut amat ketara
dalam kehidupan harian orang Cina.
Perkara ini dapat dilihat menerusi
paparan media Cina. Sungguhpun
mekanisme yang digunakan oleh orang
Cina tidak begitu terstruktur atau tidak
memerlukan jaringan organisasi yang
teratur, mereka tetap mengutamakan
kebudayaan orang Cina yang gemar
menderna.

Aktiviti kebajikan tersebut secara
tidak langsung dapat mengurangkan
beban kemiskinan di bandar. Pendek
kata, komitmen yang diberikan oleh
masyarakat Cina banyak membantu
orang Cina. Konsep *shou yang yang*
shu dalam budaya orang Cina yang
membawa maksud semangat kekitaan,
kemasama, dan saling membantu
signifikan untuk mengatasi masalah
kemiskinan bandar dalam kalangan
orang Cina. **DM**

*Dr. Lee Yok Fee, pensyarah di
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Tunku Abdul Rahman.*